

# Lahirkan siswazah patriotik

UM 31.8.2016 16

**SAUDARA PENGARANG,**

**SEJAK** merdeka, universiti di negara ini telah melahirkan ratusan ribu graduan yang terdiri daripada pelbagai etnik, agama dan budaya.

Selain sebagai institusi yang berperanan memberikan ilmu kepada mahasiswa, universiti juga mempunyai peranan penting untuk membentuk insan yang mempunyai jiwa patriotik dan beridentitikan kebangsaan sebagai bangsa Malaysia.

Tugas ini bukanlah mudah kerana memerlukan kerjasama sepenuhnya daripada pensyarah bermula dari permulaan pengajian hinggalah mahasiswa telah bergelar graduan.

Oleh itu, pensyarah harus memastikan sesi syarahan, tugas dan soalan peperiksaan yang dirangka dimasukkan elemen bagi menyemai semangat patriotik dan

menyedarkan pelajar akan jati diri mereka sebagai bangsa Malaysia.

Patriotisme tidak dapat dihafal, malah menghafal hanyalah sia-sia sahaja. Perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air hanya dapat dirasakan apabila kita melakukan tindakan yang menjurus ke arah itu.

Segala usaha yang dilakukan oleh pensyarah adalah pelengkap kepada kursus-kursus wajib di universiti yang mempunyai elemen patriotisme dan perpaduan nasional seperti Sejarah Pembentukan Bangsa Malaysia dan Hubungan Etnik.

Kepada pensyarah, mereka boleh menilai sendiri adakah usaha yang telah dilakukan benar-benar berjaya apabila siswazah yang dilahirkan mempunyai semangat kecintaan yang tinggi terhadap negara sehingga sanggup berkorban segala-galanya demi tanah air.

Dari aspek perpaduan

nasional dan identiti sebagai bangsa Malaysia, siswazah terbabit hendaklah bersikap terbuka dan bertoleransi terhadap kaum lain.

Perlu ditegaskan di sini, tidaklah mudah untuk menyemai sifat sedemikian kerana terdapat beberapa pihak di negara ini yang masih dijangkiti dengan parasit perkauman dan fahaman pelampau keagamaan.

Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, universiti harus terus kekal dengan fungsi sedemikian sejajar dengan hakikat institusi itu adalah benteng terakhir atau kubu terpenting dalam menyemai semangat patriotisme.

Ini adalah perjuangan yang tiada noktahnya. Jihad bagi menyemai semangat patriotisme bukanlah bermusim sebaliknya harus berterusan.

**DR. NORDI ACHIE**

Universiti Malaysia Sabah (UMS)